

Anwar jamin pertahanan kebebasan kehakiman

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 perlu dikaji semula

Oleh Farah Marshita Abdul Patah dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan tidak akan sesekali mencampuri urusan keadilan yang dipertanggungjawabkan kepada badan kehakiman negara.

“Hari ini saya boleh mengatakan dengan pasti bahawa sejak saya menjadi Perdana Menteri, saya tidak mencerooboh kawasan suci ini walau seinci pun, malah akan mempertahankannya dengan apa jua kos untuk kebebasan badan kehakiman.

“Harus untuk saya memuji Ketua Hakim Negara kita Tun Tengku Maimun Tuan Mat atas keberaniannya dalam mengukuhkan badan kehakiman, iaitu keteguhan pendiriannya mengenai kebebasan kehakiman dalam menghadapi serangan tanpa henti.

“Sekali gus peranannya itu menjanjikan sinar dan harapan,” katanya pada Ucaptama Persidangan Undang-Undang Antarabangsa Malaysia 2023 di sini, semalam.

Anwar berkata, pencabulan



Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud diiringi Anwar hadir pada Persidangan Undang-Undang Antarabangsa Malaysia 2023 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

dalam prinsip pengasingan kuasa secara terang-terangan oleh mereka yang memegang tampuk kuasa terdahulu, sudah menyaksikan serangan yang kejam terhadap badan kehakiman negara.

Katanya, ia adalah kemuncak kepada kemerosotan proses kehakiman itu sendiri, terutama dalam kes yang membabitkan ahli politik, seterusnya memberi ancaman serius kepada badan berkenaan.

“Dijadikan tebusan mengakibatkan hakim-hakim membuat keputusan yang benar-benar menyinggung keadilan dan hati nurani kita,” katanya.

Perluas perlindungan

Mengulas mengenai salah laku dan rasuah, Anwar berkata, sudah tiba masa Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dikaji semula untuk meluaskan perlindungan dan ruang untuk pendedahan kepada agensi yang sesuai tanpa rasa takut terhadap hukuman.

“Tidak ada satu hari yang berlalu pun tanpa saya berteriak memerangi rasuah. Walaupun kita tidak mempunyai Empayar Rom (yang jatuh akibat rasuah), tetapi sejarah negara kita sudah dicemari dengan salah guna kuasa dan rasuah.

“Ia sudah meresap dalam

masyarakat dan menghalang kemajuan serta aspirasi negara kita serta melemahkan asas tadbir urus yang baik,” katanya.

Anwar juga menyeru semua pengamal undang-undang untuk melindungi setiap inisiatif kerajaan dalam mengadakan tadbir urus yang baik melalui ketelusan serta mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan salah guna kuasa.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut mengumumkan dana RM10 juta untuk Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) bagi membantu mereka yang tidak mampu membayar khidmat peguam.